

22 JUL 1997

Parlimen - Matawang

ADA NEGARA CEMBURU CUBA JATUHKAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Datuk Dr Haji Shafie Mohd Salleh hari ini berkata bahawa terdapat negara-negara yang cemburu dengan kemakmuran ekonomi negara Asia sehingga mendorong mereka menggunakan "taktik" tertentu untuk menjatuhkan imej serta ekonomi negara ini.

Ini adalah kerana Asia merupakan kuasa baru dalam dunia ekonomi yang membuatkan mereka berasa cemburu dengan perkembangan itu, katanya.

Beliau berkata demikian semasa menggulung perbahasan Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Bagaimanapun, beliau enggan memberitahu identiti "individu tertentu" yang dipercayai terlibat dalam "serangan terhadap mata wang negara-negara Asean" ketika disoal Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) yang meminta identiti individu tersebut didedahkan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata "serangan terhadap mata wang negara-negara Asean" yang berlaku disebabkan oleh adanya individu yang menjadi pembiaya kepada usaha menjatuhkan mata wang negara Asean.

Dr Shafie juga mengulangi bahawa dasar pertukaran asing negara ialah membenarkan kuasa pasaran menentukan nilai ringgit mengikut asas ekonomi.

" Hanya apabila berlaku turun naik nilai ringgit yang ketara dan keterlaluan barulah Bank Negara akan campur tangan," katanya.

Ketika menjawab soalan Mohamad Sabu (PAS-Kubang Kerian) mengenai masalah setinggan di Sentul, beliau berkata langkah memindahkan setinggan di kawasan itu adalah satu usaha untuk memperbaiki keadaan perumahan setinggan yang tinggal di kawasan itu.

Tanah tersebut adalah tanah kerajaan yang telah diswastakan dengan dikenakan syarat kepada pemaju untuk menyediakan rumah kos rendah bagi menempatkan semula setinggan, katanya.

" Sebahagian dari rumah-rumah kos rendah di tapak pertama telah siap dan sebahagian dari setinggan telah dipindahkan ke unit-unit tersebut tanpa masalah," kata Dr Shafie.

Mengenai konsep "Lapangan terbang dalam hutan" di KLIA, beliau berkata Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dilantik memilih dan menanam pokok di kawasan lapangan terbang bagi memastikan konsep itu dipatuhi.

Konsep itu melibatkan penanaman pokok atau lanskap sekeliling bangunan terminal dan di tengah-tengah bangunan satelit, katanya bagi menjawab soalan Tan Seng Giaw (DAP-Kepong). -- BERNAMA

HAK WAT